

04/02/2001

Samy anggap rencana Asiaweek berniat jahat

IPOH: Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu membidas laporan majalah mingguan Asiaweek mengenai nasib kaum India yang hidup daif di Malaysia seperti yang disiarkan dalam keluaran bertarikh 26 Januari lalu.

Beliau menyifatkan rencana yang disiarkan berniat jahat dan tidak mencerminkan realiti sebenar kaum India.

Samy berkata, penerbit majalah itu hanya menjadikan seorang individu iaitu surirumah, Panjalai Venkatraman, 60, sebagai 'pengukur' kemajuan dan tahap pembangunan kaum India di negara ini.

"Semua andaian yang dibuat hanya membabitkan seorang individu.

"Panjalai dijadikan 'kayu pengukur' sedangkan dia tidak layak mewakili semua kaum India negara ini," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan Persatuan India Dinding (DIA) di Bangunan MIC, di sini, malam semalam.

Sebelum ini pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas laporan berat sebelah Asiaweek yang didakwa sengaja memberi gambaran negatif mengenai pelbagai aspek pembangunan di Malaysia termasuk era kepemimpinan Dr Mahathir.

Perdana Menteri membidas penerbit majalah mingguan itu sengaja menyiarkan gambar seolah-olah beliau seorang yang bodoh dan letih, dalam rencana bertajuk Mahathir's Dilemma.

Samy berkata, laporan yang disiarkan oleh Asiaweek mengaburi pembaca yang tidak tahu dengan pelbagai kemajuan dan kejayaan yang dicapai ramai masyarakat India di Malaysia.

"Panjalai menjadi alat. Maklumat yang diperolehi menunjukkan wanita itu tidak pernah mengemukakan masalah yang dihadapinya sejak 20 tahun lalu kepada sesiapa pun.

"Perlu diingatkan, ada beratus-ratus estet yang dibangunkan sejak dulu dan MIC sudah berjuang demi masyarakat India.

"Lagipun, tidak ada negara yang bebas dari masyarakat miskin," katanya.

Beliau berkata, Yayasan Strategik Sosial MIC sudah mengirim e-mel kepada penerbit Asiaweek mengenai bantahan MIC berhubung laporan itu.

Sementara itu, Samy berkata, semua projek pembangunan milik tanah kaum India di Sitiawan seperti yang dikemukakan oleh DIA perlu dihentikan serta-merta.

"Saya sudah jelaskan kepada DIA, mereka tidak boleh meneruskan projek pembangunan kerana keputusan hanya boleh dibuat di mesyuarat agung, bukan pertemuan antara ahli jawatankuasa.

"Tanah terbabit milik kaum India di Sitiawan dan jika ia diserahkan kepada pihak lain, pasti mengundang isu besar," katanya.

(END)